

23/12/1997

Pemandu kena bayar lima tol di Linkedua

JOHOR BAHRU, Isnin - Pemandu kenderaan terutama dari negeri ini yang melalui Laluan Kedua Malaysia-Singapura (Linkedua) perlu membayar lima kali tol berbanding sekali jika melalui Tambak Johor.

Bayaran itu perlu dibuat ketika melalui Plaza Tol Lima Kedai, dekat Gelang Patah dan Plaza Tol Tanjung Kupang apabila memasuki Singapura manakala tiga kali bayaran apabila keluar dari Singapura termasuk dua kali di tol berkenaan dan sekali di pusat pemeriksaan Imigresen Singapura.

Ketika ini, pemandu yang memasuki Malaysia melalui Tambak Johor dikenakan bayaran RM2.10 manakala Singapura tidak mengenakan sebarang bayaran tol untuk memasuki republik itu.

Menurut sumber Linkedua (M) Sdn Bhd, pemegang konsesi Laluan Kedua, pihaknya sudah mengemukakan kadar tol kepada Kementerian Kerja Raya untuk pertimbangan jemaah menteri.

"Terpulang kepada jemaah menteri untuk meluluskannya. Setakat ini kami belum mendapat maklum balas mengenainya," katanya.

Berita Harian difahamkan kadar tol yang dicadangkan ialah sebelah Malaysia; kereta dan teksi (RM8), bas dan van (RM21), lori (RM53) dan motosikal (RM1) manakala sebelah Singapura, kereta dan teksi (S\$3.50) (RM8.05), bas dan van (S\$9) (RM20.70), lori (S\$23) (RM52.90) dan motosikal (S\$0.50) (RM1.15).

Laluan Kedua Malaysia-Singapura membabitkan jambatan sepanjang 1.9 kilometer yang menghubungkan Tanjung Kupang, dekat sini dan Tuas di Singapura berharga RM266 juta siap Oktober lalu dan akan dibuka untuk laluan pada 2 Januari depan.

Perasmiannya dijangka disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, tiga bulan kemudian.

Kerja pembinaan jambatan itu dikendalikan oleh United Engineers (M) Berhad di bawah konsesi yang dipersetujui oleh kerajaan pada Julai 1993. Konsesi itu dikendalikan Linkedua (M) Berhad pada Mei 1994.

Kerja pembinaan dilakukan dengan kerjasama UE Construction Sdn Bhd dan Shimizu Corporation bermula pada Oktober 1994 dan siap dalam tempoh 32 bulan iaitu seminggu lebih awal dari tarikh yang ditetapkan.

Jambatan enam lorong itu menggunakan teknologi yang belum pernah dilaksanakan di rantau ini apabila menggabungkan segmen gelegar konkrit pasang siap dengan teknik penyanggaannya.

Linkedua (M) Berhad melaburkan kira-kira RM1.3 bilion bagi menyiapkan Laluan Kedua termasuk pembinaan jambatan berkenaan.

(END)